

Terma dan Syarat
Kempen Berbelanja Lebih Bijak dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Kempen: 1 Mac 2022 sehingga 31 Mei 2022

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditentukan di bawah) diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang terdapat di www.ambank.com.my. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan di bawah, Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana wakil sah Bank.

1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, kata dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepadanya kecuali jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

“**Kumpulan AmBank**” bermaksud semua syarikat dan syarikat bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Kempen**” bermaksud Kempen “**Kempen Berbelanja Lebih Bijak dengan Kad Debit AmBank**” yang dianjurkan oleh Bank selaras dengan terma dan syarat seperti yang ditetapkan dalam ini.

“**Tempoh Kempen**” akan bermula pada 01 Mac 2022 (00:00 GMT+8) dan berakhir pada 31 Mei 2022 (23:59 GMT+8), termasuk kedua-dua tarikh. Bank berhak untuk mengubah Tempoh Kempen dengan Notis Terdahulu.

“**Kad Debit**” merujuk kepada Kad Debit yang dikeluarkan oleh Bank (Kad Debit Mastercard AmBank dan/atau Kad Debit Mastercard *TRUE by AmBank*).

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.

- 1.2 Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang merujuk kepada kata satu hendaklah juga merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.
- 1.3 “**Perbadanan Bersekutu**” mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, yang mana berkenaan. “**Syarikat Yang Berkaitan**” pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

2 Kelayakan

- 2.1 Kempen ini ditawarkan kepada semua pemegang Kad Debit AmBank baru yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas, yang telah membuka akaun dan mengaktifkan Kad Debit dalam tempoh kempen, yang disebut sebagai "Pelanggan yang Layak".

Terma dan Syarat
Kempen Berbelanja Lebih Bijak dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Kempen: 1 Mac 2022 sehingga 31 Mei 2022

Kempen ini ditawarkan secara eksklusif kepada pemegang Kad Debit di bawah kumpulan **pelanggan individu baru dan sedia ada**, yang menerima undangan dari Bank melalui SMS dan/atau eDM, yang disebut sebagai "**Pelanggan yang Layak**".

- 2.2 Pendaftaran tidak diperlukan untuk menyertai Kempen ini.
- 2.3 Untuk mengelakkan keraguan, kakitangan Kumpulan AmBank layak untuk menyertai Kempen ini.

3 Mekanisma Kempen

3.1 Pelanggan yang Layak harus mengaktifkan Kad Debit dan melakukan Transaksi Layak yang diperlukan di bawah setiap peringkat untuk kategori Runcit dan Pembelian Atas Talian dengan seperti yang ditakrifkan dalam klausa 3.2 dalam Tempoh Kempen berpeluang untuk memenangi ganjaran Pulangan Tunai Bulanan dan bonus seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah Klausa 4.1 di sini selama Tempoh Kempen.

3.2 **Transaksi Layak** hendaklah bermaksud transaksi runcit tempatan dan luar negara termasuk pembelian atas talian dengan minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) yang berjaya dicaj pada Kad Debit semasa Tempoh Kempen seperti yang ditakrifkan kepada dua kategori di bawah:

- a) "**Transaksi Runcit**" bermaksud pembelian runcit yang mengurus niaga melalui system titik penjualan (transaksi *card-present*) di mana-mana kedai runcit;
- b) "**Pembelian dalam talian**" bermaksud pembelian yang mengurus niaga melalui internet (transaksi *card-not-present*) di mana-mana tapak web e-dagang, termasuk transaksi AmBank DuitNow QR ke akaun perniagaan.

3.3 Transaksi berikut adalah di sini secara nyata dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak:

- a) Transaksi pengeluaran, deposit atau pemindahan tunai; dan
- b) Bayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, yuran penggantian kad, caj penipuan atau sebarang yuran, caj atau penalti lain sama ada yang dikenakan oleh Bank atau sebaliknya; dan
- c) Sebarang transaksi yang tidak dipaparkan, dibatalkan, tidak sah, dipertikaikan, dikembalikan, penipuan atau tidak diberi kebenaran; dan
- d) Sebarang tambah nilai ke e-dompet; dan
- e) Sebarang DuitNow QR transaksi melalui akaun individu termasuk akaun sendiri atau akaun bersama dengan Bank atau bank lain; dan
- f) Urus niaga berpecah (sebanyak dua (2) transaksi dalam sehari dilakukan di peniaga yang sama.

Penentuan Bank berkenaan dengan apa yang merangkumi Transaksi Layak sebagaimana yang ditakrifkan dalam Klausa 3.2 di sini adalah konklusif dan terikat kepada semua Pelanggan yang Layak.

3.4 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, transaksi antarabangsa dalam mata wang asing hendaklah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan pada kadar semasa pertukaran asing pada tarikh dan masa (Waktu Malaysia) yang tercatat dalam rekod Bank semasa Tempoh Kempen.

Terma dan Syarat
Kempen Berbelanja Lebih Bijak dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Kempen: 1 Mac 2022 sehingga 31 Mei 2022

- 3.5 Pengesanan Transaksi Layak Pelanggan yang Layak hendaklah berdasarkan pada tarikh dan masa (Waktu Malaysia) seperti yang tercatat rekod transaksi Bank semasa Tempoh Kempen.
- 3.6 Pelanggan yang Layak yang melakukan Transaksi Layak seperti yang tercatat dalam rekod Bank akan berpeluang untuk layak mendapat pulangan tunai seperti yang dinyatakan seperti dalam Jadual 1. Sejumlah Tiga Enam Puluh Ribu (36,000) Pulangan Tunai Bulanan akan diberikan sepanjang Tempoh Kempen seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

4 Ganjaran Kempen

- 4.1 Ganjaran di bawah Kempen ini dikategorikan sebagai **Pulangan Tunai Bulanan**, **Bonus Pengaktifan** dan **Bonus Kelayakan** dan tersedia atas didapati yang terdahulu, diutamakan dan tertakluk kepada ketersediaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah.

a) Pulangan Tunai Bulanan

Setiap Pelanggan yang Layak berhak mendapat satu (1) ganjaran Pulangan Tunai Bulanan (terhad kepada Ringgit Malaysia Lapan (RM8) bagi setiap Pelanggan yang Layak setiap Peringkat setiap Kategori)) dengan kriteria yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

b) Bonus Pengaktifan

Setiap Pelanggan yang Layak mesti memenuhi kriteria yang dinyatakan di bawah “Pulangan Tunai Bulanan” untuk berhak mendapat satu (1) Bonus Pengaktifan (terhad kepada Ringgit Malaysia Lima (RM5)) dengan “Transaksi Layak” dilakukan di kedai runcit atau melalui pembelian atas talian semasa Tempoh Kempen. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan sedia ada yang menggunakan Kad Debit mereka untuk pembelian runcit atau pembelian atas talian sebelum Tempoh Kempen tidak berhak untuk Bonus Pengaktifan.

c) Bonus Kelayakan

Setiap Pelanggan yang Layak berhak mendapat satu (1) Bonus Kelayakan (terhad kepada Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15)) selepas dia berjaya menebus pulangan tunai dalam peringkat 1 dan peringkat 2 di bawah kedua-dua kategori pembelian runcit dan atas talian sepanjang Tempoh Kempen.

Jadual 1: Pulangan Tunai Bulanan

Bulan Kempen	Kelayakan	Ganjaran (RM)	Jumlah Pelanggan	Jumlah Nilai (RM)
1 (1 Mac 2022 – 31 Mac 2022)	Dua pembelian runcit pertama “Runcit – Peringkat 1”	3	3,000	9,000
	Tiga pembelian runcit berikut “Runcit – Peringkat 2”	5	3,000	15,000
	Dua pembelian dalam talian pertama “Pembelian dalam talian – Peringkat 1”	3	3,000	9,000

Terma dan Syarat
Kempen Berbelanja Lebih Bijak dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Kempen: 1 Mac 2022 sehingga 31 Mei 2022

	Tiga pembelian dalam talian berikut "Pembelian dalam talian – Peringkat 2"	5	3,000	15,000
2 (1 April 2022 – 30 April 2022)	Dua pembelian runcit pertama "Runcit – Peringkat 1"	3	3,000	9,000
	Tiga pembelian runcit berikut "Runcit – Peringkat 2"	5	3,000	15,000
	Dua pembelian dalam talian pertama "Pembelian dalam talian – Peringkat 1"	3	3,000	9,000
	Tiga pembelian dalam talian berikut "Pembelian dalam talian – Peringkat 2"	5	3,000	15,000
3 (1 Mei 2022 – 31 Mei 2022)	Dua pembelian runcit pertama "Runcit – Peringkat 1"	3	3,000	9,000
	Tiga pembelian runcit berikut "Runcit – Peringkat 2"	5	3,000	15,000
	Dua pembelian dalam talian pertama "Pembelian dalam talian – Peringkat 1"	3	3,000	9,000
	Tiga pembelian dalam talian berikut "Pembelian dalam talian – Peringkat 2"	5	3,000	15,000
	Jumlah	48	36,000	144,000

Jadual 2: Bonus Pengaktifan & Bonus Kelayakan

Bonus	Kelayakan	Ganjaran (RM)	Jumlah Pelanggan	Jumlah Nilai (RM)
Bonus Pengaktifan	Apabila melakukan "Transaksi Layak" pertama dengan pengaktifan kad (Pembelian Runcit atau Pembelian Dalam Talian)	5	3,000	15,000

Terma dan Syarat
Kempen Berbelanja Lebih Bijak dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Kempen: 1 Mac 2022 sehingga 31 Mei 2022

Bonus Kelayakan	Setelah berjaya menebus semua pulangan tunai sepanjang Tempoh Kempen	15	2,000	30,000
	Jumlah	20	5,000	45,000

- 4.2 Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh menerima satu (1) ganjaran Pulangan Tunai bulanan untuk setiap Peringkat dan Kategori setiap bulan kempen.sepanjang Tempoh Kempen.
- 4.3 Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh menerima satu (1) Bonus Pengaktifan sepanjang Tempoh Kempen.
- 4.4 Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh menerima satu (1) Bonus Kelayakan sepanjang Tempoh Kempen dengan kriteria yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Ilustrasi

	Senario	Kelayakan	Jumlah Pulangan Tunai diperolehi
A	Pemegang Kad Debit baharu mengaktifkan dan melakukan transaksi pertama di mana-mana kedai runcit pada Mac 2022.	Layak untuk Bonus Pengaktifan.	RM5
	Melakukan lima (5) transaksi di kedai runcit pada Mac, April dan Mei 2022.	<ul style="list-style-type: none"> - Layak mendapat pulangan tunai bulanan RM3 daripada dua transaksi pertama pada Mac, April dan Mei. - Layak mendapat pulangan tunai bulanan RM5 daripada tiga transaksi berikutnya pada Mac, April dan Mei. 	RM24
	Melakukan lima (5) transaksi di web e-dagang pada Mac, April dan Mei 2022.	<ul style="list-style-type: none"> - Layak mendapat pulangan tunai bulanan RM3 daripada dua transaksi pertama pada Mac, April dan Mei. - Layak mendapat pulangan tunai bulanan RM5 daripada tiga transaksi berikutnya pada Mac, April dan Mei. 	RM24

Terma dan Syarat
Kempen Berbelanja Lebih Bijak dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Kempen: 1 Mac 2022 sehingga 31 Mei 2022

	Memenuhi semua peringakt pulangan tunai dan diberi ganjaran selama tiga (3) bulan kempen berturut-turut.	Layak untuk Bonus Kelayakan.	RM15
B	Pemegang Kad Debit sedia ada melakukan transaksi di kedai runcit pada Mac 2022.	Tidak layak untuk Bonus Pengaktifan kerana tidak memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan di bawah "Bonus Pengaktifan".	RM0
	Melakukan tiga (3) transaksi di kedai runcit pada Mac dan April 2022.	<ul style="list-style-type: none"> - Layak mendapat pulangan tunai bulanan RM3 daripada dua transaksi pertama pada Mac. - Layak mendapat pulangan tunai bulanan RM3 daripada dua transaksi pertama pada April. 	RM6
	Melakukan tujuh (7) transaksi di web e-dagang pada Mac, April dan Mei 2022.	<ul style="list-style-type: none"> - Layak mendapat pulangan tunai bulanan RM3 daripada dua transaksi pertama pada Mac, April dan Mei. - Layak mendapat pulangan tunai bulanan RM5 daripada tiga transaksi berikutnya pada Mac, April dan Mei. 	RM24
	Melakukan tujuh (7) transaksi di web e-dagang selama tiga bulan Kempen berturut-turut.	Tidak layak untuk Bonus Kelayakan kerana tidak memenuhi transaksi runcit yang diperlukan selama tiga bulan kempen berturut-turut.	RM0

- 4.5 Ganjaran Kempen akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan Pemenang yang berhubungandipautkan dengan kepada Kad Debit yang digunakan oleh pemenang bagi Transaksi yang Layak semasa Tempoh Kempen dalam enam puluh (60) hari kalendar setelah berakhirnya Tempoh Kempen.
- 4.6 Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada pemenang-pemenang untuk mengkreditkan Ganjaran Kempen ke akaun lain yang dikekalkan dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
- 4.7 Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (CASA) pemenang tidak boleh dorman atau ditutup sepanjang Tempoh Kempen dan pada waktu Ganjaran Kempen dikreditkan ke dalam CASA Pelanggan yang Layak.
- 4.8 Ganjaran Kempen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit atau jenis lain sepertinya.
- 4.9 Bank akan memaklumkan kepada semua pemenang melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") berdasarkan maklumat hubungan pemenang yang tersimpan dalam

Terma dan Syarat
Kempen Berbelanja Lebih Bijak dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Kempen: 1 Mac 2022 sehingga 31 Mei 2022

sistem Bank. Walau apa pun yang disebutkan di atas, Bank berhak menggunakan medium atau kaedah lain, termasuk laman sesawang Bank di www.ambank.com.my bagi tujuan pengumuman Pelanggan yang Layak .

- 4.10 Ia merupakan tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan bahawa nombor telefon Pelanggan yang Layak yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan Bank jika berlaku apa-apa perubahan yang sama yang dilakukan oleh Peserta Layak. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak bagi sebarang kehilangan (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan) yang dialami jika nombor mudah alih Peserta Layak dalam rekod Bank bukannya terkini atau tepat.

5 Umum

- 5.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dan/atau mana-mana pihak yang dinyatakan di sini memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, dan terma dan syarat ini harus dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan, dan Terma dan Syarat Kad Debit MasterCard AmBank. Pelanggan yang Layak diminta untuk log masuk ke laman sesawang rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk sebarang kemas kini Kempen atau terma dan syarat terkini, jika ada.
- 5.2 Tawaran Kempen ini adalah tidak sah dengan mana-mana promosi/kempen lain yang ditawarkan oleh Bank.
- 5.3 Bank mempunyai hak pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 5.4 Bank mempunyai hak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan secara khusus di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Kempen ini seperti yang difikirkan wajar, perlu dan sesuai dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 5.5 Sebarang notis yang diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau di cawangannya, dan notis berkenaan hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan apabila dipaparkan di laman sesawang rasmi atau di cawangannya, yang mana lebih awal.
- 5.6 Bank mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
- a) Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat tidak benar atau melakukan penipuan atau kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses penyertaan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
 - b) Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 5.7 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau perwakilan yang terkandung dalam mana-mana notis/kempen/bahan periklanan lain untuk Kempen ini.
- 5.8 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan pelanggan yang layak dan penyertaan di dalam Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian

Terma dan Syarat
Kempen Berbelanja Lebih Bijak dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Kempen: 1 Mac 2022 sehingga 31 Mei 2022

- 5.9 Bank tidak bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang dialami, seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau sebarang kerosakan tidak langsung, insidental, akibat, teladan, hukuman atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen, simpan dan berkecualian di mana kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian, kemungkiran sengaja atau penipuan Bank.
- 5.10 Walau apa pun yang bertentangan yang terdapat di sini, Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan kewajibannya di bawah terma dan syarat ini yang timbul atau disebabkan oleh kekuatan di luar kawalan Bank, seperti tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, penghentian kerja, kemalangan, penguncian, tindakan industri, pandemic, wabak, atau bencana alam.
- 5.11 Bank tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan oleh mana-mana Pelanggan yang Layak untuk menyertai Kempen ini pada bila-bila masa bagi sebarang kesalahan, gangguan dan/atau kegagalan rangkaian, komunikasi atau sistem.
- 5.12 Semua persoalan mengenai pembinaan, keabsahan, penguatkuasaan dan penafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini harus diatur, ditafsirkan dan dikuatkuasakan sesuai dengan undang-undang Malaysia. Para pihak dengan ini tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia untuk tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul dari atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 5.13 Versi Bahasa Inggeris terma dan syarat ini juga terdapat di www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik dalam penafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan ditafsirkan sebagai setara antara satu sama lain dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan dalam kedua-dua bahasa tersebut hendaklah membawa maksud yang sama.
- 5.14 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank di talian 03-2178 8888 dari 7:00 pagi hingga 11:00 malam, Isnin hingga Jumaat atau emel ke customercare@ambankgroup.com.